

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ

SOALAN

DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelupusan hutang Felda dan bilangan peneroka yang terlibat mengikut negeri. Apakah skop hutang yang telah dihapuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pinjaman yang dilupuskan (diselaraskan) secara bersyarat adalah RM8.3 bilion. Seramai 102,400 peneroka mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Pecahan peneroka tersebut mengikut negeri seperti berikut:

Negeri	Bilangan Peneroka Menerima Manfaat
Kedah	3,157
Perlis	852
Kelantan	2,787
Pahang	35,888
Johor	26,683
Negeri Sembilan	15,547
Sabah	1,646
Melaka	1,258
Terengganu	7,204
Perak	5,494
Selangor	1,884
Jumlah	102,400

Skop hutang yang dilupuskan (diselaraskan) secara bersyarat adalah seperti berikut:

- (i) sebahagian baki pinjaman tanam semula sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM8 bilion melibatkan 92,441 orang peneroka (82% daripada warga peneroka);
- (ii) baki tunggakan baja sehingga 31 Disember 2019 berjumlah RM168 juta melibatkan 52,180 peneroka (46% daripada warga peneroka);

NO SOALAN : 3

- (iii) baki pinjaman saham FGV sehingga 7 Julai 2021 berjumlah RM78 juta melibatkan 38,043 peneroka (34% daripada warga peneroka);
- (iv) baki pinjaman pembangunan asal sehingga 31 Disember 2019 berjumlah RM56 juta melibatkan 6,711 orang peneroka (6% daripada warga peneroka); dan
- (v) baki pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) sehingga 7 Julai 2021 berjumlah RM20 juta melibatkan 2,019 orang peneroka (2% daripada warga peneroka).

NO SOALAN : 3

Disediakan Oleh : En. Muhamad Shafira Bin Muhamad Raub
Timbalan Pengarah Jabatan Kewangan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Telefon : 03-2191 2332 / 016-9799278

Disemak Oleh : En. Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-2464028

Diluluskan Oleh : YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) – Memangku
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 03-8872 5595